

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
SERI PERDANA, PUTRAJAYA
MAJLIS UCAPAN ALUAN YANG DI PERTUA DALAM MESYUARAT
TAHUNAN BAKTI KE-24
18 JULAI 2001**

Terima kasih kerana bersama-sama saya sekali lagi dalam menyempurnakan Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-24 ini. Kali ini tiada pilihan Jawatankuasa Tadbir baru akan diadakan dan masa ini akan diambil oleh saya untuk menyampaikan kepada saudari-saudari Ahli-ahli beberapa perkara yang penting.

2. Seperti saudari-saudari sedia maklum, bulan Julai ini amat sibuk untuk Jawatankuasa-jawatankuasa BAKTI dan semua Ahli-ahli yang menyertai Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. Saya amat menghargai ketekunan, kerja keras dan usaha gigih yang saudari-saudari lakukan untuk memastikan semua tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan oleh saudari-saudari disempurnakan dengan jayanya.

3. Pada petang ini, saya akan umumkan 2 perkara yang amat penting sekali untuk makluman ahli-ahli semua:

- i. Kedudukan kewangan BAKTI dan peruntukan perbelanjaan (budget) BAKTI bagi tahun-tahun hadapan, dan
- ii. Taklimat terakhir bagi persediaan Malam Amal BAKTI yang akan berlangsung pada 27 Julai 2001 dan persediaan Kejohanan Badminton Piala Perdana pada 31 Jun hingga 5 Ogos 2001.

4. Dengan itu, saya minta semua ahli-ahli mendengar taklimat-taklimat dan laporan-laporan kewangan yang akan dibentangkan oleh Datin Wendy, Bendahari Kehormat BAKTI hingga akhirnya mesyuarat ini. Ini adalah yang terakhir bagi semua ahli-ahli mendengarnya tetapi ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Induk dan Kecil akan terus bermesyuarat hingga Ogos dengan penuh dedikasi dan "commitment".

4. Dengan itu, saya jemput ahli-ahli mengesahkan Minit Mesyuarat Tahunan BAKTI tahun lalu.